

**KERAJAAN PERPADUAN BERTERASKAN
ISLAM DENGAN RUJUKAN KHUSUS PARTI
POLITIK MELAYU-ISLAM DI MALAYSIA**

oleh

WAFDI AUNI BIN MOHAMED

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

JUN 2017

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmaanirrahiim,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana menganugerahkan segulung ilham, kekuatan, kesihatan, kelapangan waktu dan keazaman yang tidak terhitung sehingga terus kekal dalam pengajian dan berjaya menyempurnakan penyelidikan ini.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada penyelia, Dr. Mohd Syakir bin Mohd Rosdi di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan sokongan yang tidak berbelah bagi di sepanjang pengajian ini. Jutaan terima kasih, setinggi-tinggi penghargaan dan seindah-indah pengiktirafan diucapkan kepada Pengarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Profesor Madya Dr. Haji Zakaria Bahari, Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh dan semua pensyarah ISDEV yang tanpa jemu mencurahkan ilmu, budi, dan tunjuk ajar berterusan sepanjang pengajian di ISDEV, Universiti Sains Malaysia. Hanya doa yang mampu diiringkan kepada guru-guru ini yang mengajarkan tentang menegakkan agama dan peribadi serta memperbaiki urusan kehidupan dunia dan akhirat. Semoga Allah SWT sentiasa memberkati usaha dan jasa mereka dan menilainya sebagai amal ibadah yang tinggi kedudukannya di sisi-Nya.

Tidak ketinggalan ucapan penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang menganugerahkan Biasiswa MyPhD menerusi skim MyBrain15 bagi membiayai keseluruhan pengajian ini. Ucapan terima kasih ini juga

dipanjangkan khasnya kepada YBhg. Prof Madya Dr. Mohamad Zaini Abu Bakar dari Pusat Pengajian Sains Sosial Universiti Sains Malaysia (USM), YBhg. Dr. Muhammad Hakimi Mohd Shafiai dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), YBhg. Profesor Dr. Mansor Mohd Noor dari Institut Kajian Etnik (KITA) UKM, Profesor Datuk Seri Dr. Mohd Salleh Yaapar dari USM dan Dr. Warjio dari Universiti Medan Area, Indonesia atas kesudian berkongsi ilmu, memberikan pandangan dan rujukan serta motivasi kepada pengkaji.

Di samping itu, tidak lupa juga kepada YABhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, YB Datuk Seri Reezal Marican Naina Marican, YBhg. Dato' Mustafa Ali, YB Ir. Haji Khalid Samad, YBhg. Tuan Haji Salahudin Ayub, YBhg. Dr. Wan Nik Wan Yusuf, YBhg. Dato' Dr. Idris Zakaria, YBhg. Prof Madya Datuk Dr. Mohammad Agus Yusoff dan YBhg. Dr. Kamarul Zaman Yusof yang telah sudi meluangkan masa di sebalik kesibukan masing-masing untuk ditemu bual. Semoga Allah SWT membalas segala kebaikan yang telah diberikan.

Sentiasa dalam ingatan, penghargaan ini ditujukan kepada ahli keluarga khususnya ayah dan mak tercinta yang sentiasa berdoa dan memberi semangat untuk meneruskan perjuangan menuntut ilmu ini. Di persada ini juga, penghargaan dan pengiktirafan istimewa dipersembahkan kepada yang selama ini bersabar dan sentiasa memberi sokongan, khasnya isteri tercinta, Dr. Fazzlijan yang sentiasa memahami, mengorbankan masa dan memberi dorongan demi kejayaan suamimu. Buat puteri-puteri kesayangan Abi; Aisyah dan Aleeya, mudah-mudahan menjadi motivasi untuk perjuangan dan kejayaan di lapangan keilmuan anakanda berdua kelak. Tidak lupa juga, terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan dan

kakitangan pentadbiran di ISDEV yang banyak membantu di sepanjang pengajian ini. Akhir sekali kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini, semoga jasa baik yang diberikan dibalas dengan kebaikan oleh Allah SWT.

Wafdi Auni Bin Mohamed

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

SENARAI KANDUNGAN

| | |
|---|------|
| PENGHARGAAN | ii |
| SENARAI KANDUNGAN | v |
| SENARAI JADUAL | x |
| SENARAI LAMPIRAN | xi |
| SENARAI RAJAH | xii |
| SENARAI SINGKATAN | xiv |
| PANDUAN TRANSLITERASI | xvi |
| ABSTRAK | xvii |
| ABSTRACT | xix |
| | |
| BAB 1 : PENGENALAN | |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar belakang Kajian | 2 |
| 1.2.1 Kerajaan Perpaduan Nasional (GNU) | 2 |
| 1.2.2 Sistem Parlimen Berbilang Parti (MPS) | 5 |
| 1.2.3 Konsep Kerajaan Perpaduan di Malaysia | 7 |
| 1.3 Pernyataan Masalah Kajian | 11 |
| 1.4 Objektif Kajian | 20 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 20 |
| 1.6 Definisi Operasional | 23 |
| 1.6.1 Kerajaan Perpaduan | 23 |
| 1.6.2 Perpaduan Berteraskan Islam | 24 |
| 1.6.3 Parti Politik | 26 |
| 1.6.4 Melayu-Islam | 27 |
| 1.7 Skop dan Batasan Kajian | 28 |
| 1.8 Kepentingan Kajian | 30 |
| 1.9 Sumbangan Kajian | 31 |
| 1.10 Organisasi Tesis | 32 |

BAB 2 : KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

| | | |
|----------|--|----|
| 2.1 | Pendahuluan | 35 |
| 2.2 | Kajian-Kajian Lepas | 35 |
| 2.2.1 | Konsep Kerajaan Perpaduan | 36 |
| 2.2.1(a) | Kerajaan Perpaduan Nasional (GNU) | 36 |
| 2.2.1(b) | Sistem Parlimen Berbilang Parti (MPS) | 39 |
| 2.2.2 | Konsep Kerjasama Politik di Malaysia | 41 |
| 2.2.3 | Kerjasama Parti Politik Melayu-Islam | 46 |
| 2.2.4 | Politik Berteraskan Perpaduan Negara Madinah 622-632M | 48 |
| 2.3 | Analisis Sorotan Kajian | 52 |
| 2.4 | Sorotan Karya | 53 |
| 2.4.1 | Model Kerajaan Perpaduan di Dunia | 54 |
| 2.4.2 | Kerjasama Parti-Parti Politik | 56 |
| 2.4.3 | Kerjasama Parti-Parti Politik Melayu-Islam | 57 |
| 2.4.4 | Konsep Perpaduan Negara Madinah 622-632M | 59 |
| 2.4.4(a) | Sejarah Pembentukan Negara Madinah | 60 |
| 2.4.4(b) | Konsep Perpaduan Berteraskan Islam | 63 |
| 2.4.4(c) | Persaudaraan Muhajirin dan Ansar | 64 |
| 2.4.4(d) | Piagam Madinah | 67 |
| 2.5 | Analisis Sorotan Karya | 75 |
| 2.6 | Kerangka Konseptual | 76 |
| 2.7 | Kesimpulan | 78 |

BAB 3 : KAEDAH PENYELIDIKAN

| | | |
|----------|---------------------------|----|
| 3.1 | Pendahuluan | 80 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 80 |
| 3.3 | Kaedah Pengumpulan Data | 84 |
| 3.3.1 | Pengumpulan Data Primer | 86 |
| 3.3.1(a) | Instrumen Kajian | 87 |
| 3.3.1(b) | Pensampelan | 87 |
| 3.3.1(c) | Kajian Rintis | 92 |
| 3.3.2 | Pengumpulan Data Sekunder | 94 |

| | | |
|-------|----------------------------|-----|
| 3.4 | Kaedah Penganalisan Data | 100 |
| 3.4.1 | Penganalisan Data Primer | 101 |
| 3.4.2 | Penganalisan Data Sekunder | 106 |
| 3.5 | Carta Alir Kajian | 109 |
| 3.6 | Kesimpulan | 110 |

BAB 4 : KERAJAAN PERPADUAN BERTERASKAN ISLAM DARI PERSPEKTIF SARJANA ISLAM

| | | |
|----------|---|-----|
| 4.1 | Pendahuluan | 111 |
| 4.2 | Pandangan Sarjana Terhadap Konsep Kerajaan Perpaduan di Dunia Muslim | 111 |
| 4.2.1 | Kerajaan Perpaduan di Dunia Muslim dibentuk Menurut Acuan Demokrasi Barat | 112 |
| 4.2.2 | Pembentukan Kerajaan Perpaduan Secara Jangka Pendek | 116 |
| 4.2.3 | Pembentukan Kerajaan Perpaduan Berlaku dalam Kalangan Elit Politik | 117 |
| 4.3 | Pandangan Sarjana Islam Terhadap Konsep Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam | 119 |
| 4.3.1 | Kerajaan Perpaduan Berpaksikan Kepada Konsep Perpaduan Berteraskan Islam | 120 |
| 4.3.2 | Negara Madinah 622-632M Sebagai Asas Pembentukan Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam | 129 |
| 4.4.3(a) | Perjanjian yang Melibatkan Rasulullah SAW dengan Suku Khazraj dan Suku ‘Aws Dari Madinah | 133 |
| 4.4.3(b) | Peristiwa Hijrah yang Mempersaudarakan Golongan Ansar di Madinah dengan Golongan Muhajirin dari Mekah | 138 |
| 4.4.3(c) | Penggubalan Piagam Madinah | 140 |
| 4.4 | Kesimpulan | 151 |

BAB 5: KONSEP KERAJAAN PERPADUAN BERTERASKAN ISLAM

| | | |
|-------|---|-----|
| 5.1 | Pendahuluan | 154 |
| 5.2 | Acuan Konsep Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam | 155 |
| 5.3 | Prinsip-Prinsip Konsep Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam | 158 |
| 5.3.1 | Perpaduan <i>Insāniyyat</i> (Keinsanan) | 158 |
| 5.3.2 | Perpaduan <i>Dīniyyat</i> (Akidah) | 161 |
| 5.3.3 | Perpaduan <i>Wataniyyat</i> (Negara) | 163 |
| 5.4 | Ciri-Ciri Konsep Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam | 166 |
| 5.4.1 | Kepimpinan | 167 |
| 5.4.2 | Syura | 168 |
| 5.4.3 | Jaminan Perlembagaan | 170 |
| 5.4.4 | Keadilan | 172 |
| 5.5 | Kaedah Pelaksanaan Konsep Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam | 174 |
| 5.5.1 | Ukhuwah Islamiah | 175 |
| 5.5.2 | <i>Al-Taḥāluf al-Siyāsī</i> | 177 |
| 5.6 | Kesimpulan | 179 |

BAB 6 : ANALISIS KERJASAMA PARTI POLITIK MELAYU- ISLAM DI MALAYSIA DALAM KERAJAAN PERPADUAN BERTERASKAN ISLAM

| | | |
|-------|---|-----|
| 6.1 | Pendahuluan | 181 |
| 6.2 | Latar Belakang Informan | 183 |
| 6.3 | Perpaduan Parti Politik Melayu-Islam di Malaysia Berasaskan Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam | 184 |
| 6.3.1 | Situasi Perkembangan Perpaduan Parti Politik Melayu- Islam | 184 |
| 6.3.2 | Halangan Perpaduan dalam Kalangan Parti-Parti Politik Melayu-Islam | 196 |
| 6.3.3 | Kepentingan Perpaduan Parti Politik Melayu-Islam | 199 |

| | | |
|----------------------------|---|-----|
| 6.4 | Analisis Kesesuaian Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam Digunakan bagi Membentuk Perpaduan dalam Kalangan Parti Politik Melayu-Islam di Malaysia | 204 |
| 6.4.1 | Kelemahan Kerajaan Perpaduan di Malaysia | 206 |
| 6.4.1(a) | Model Kerajaan Perpaduan | 207 |
| 6.4.1(b) | Kegagalan Kerajaan Perpaduan | 213 |
| 6.4.2 | Kerajaan Perpaduan Beteraskan Islam di Malaysia | 216 |
| 6.5 | Kesimpulan | 228 |
| BAB 7 : PENUTUP | | |
| 7.1 | Pendahuluan | 230 |
| 7.2 | Dapatan dan Rumusan | 231 |
| 7.3 | Implikasi dan Cadangan Kajian | 246 |
| 7.3.1 | Impilkasi Teoretikal | 247 |
| 7.3.2 | Implikasi Praktikal | 248 |
| 7.3.2(a) | Implikasi Kepada Negara | 249 |
| 7.3.2(b) | Implikasi Kepada Parti Politik Melayu-Islam | 249 |
| 7.3.2(c) | Implikasi Kepada Masyarakat | 250 |
| 7.4 | Cadangan Kajian Masa Hadapan | 250 |
| 7.4.1 | Subjek Kajian | 251 |
| 7.4.2 | Sampel Kajian | 251 |
| 7.4.3 | Skop Analisis Kajian | 252 |
| 7.5 | Kesimpulan | 252 |
| BIBLIOGRAFI | | 253 |

SENARAI JADUAL

| | | Halaman |
|------------|--|----------------|
| Jadual 1.1 | Analisis Regrasi Berganda antara Undi Kepada UMNO dan PAS dengan Komposisi Etnik Dalam Kawasan Pilihan Raya Parlimen Pada PRU 2008 | 11 |
| Jadual 1.2 | Ringkasan Objektif Kajian dengan Persoalan Kajian | 22 |
| Jadual 3.1 | Senarai Informan Ahli Politik | 91 |
| Jadual 3.2 | Senarai Informan Ahli Akademik | 92 |
| Jadual 3.3 | Senarai Informan Kajian Rintis | 93 |
| Jadual 3.4 | Ringkasan Objektif, Persoalan Kajian dan Kaedah Analisis | 107 |
| Jadual 4.1 | Peratusan Jumlah Undi Lima Parti Politik Utama DPR 1999 | 113 |
| Jadual 4.2 | Jadual Keputusan Pilihan Raya Majlis Perundingan Palestin 5 Januari 2006 | 114 |
| Jadual 4.3 | Hadith-Hadith Terpilih Mengenai Perpaduan Berteraskan Islam | 125 |
| Jadual 4.4 | Ringkasan Fasal 1 hingga Fasal 23 Piagam Madinah | 142 |
| Jadual 4.5 | Ringkasan Fasal 24 hingga Fasal 47 Piagam Madinah | 147 |
| Jadual 6.1 | Objekti Kajian (2) dan (3), Persoalan Kajian (iv), (v) dan (vi) | 182 |
| Jadual 6.2 | Dapatan Pandangan Informan Mengenai Faktor Halangan Perpaduan Parti Politik Melayu-Islam di Malaysia | 199 |
| Jadual 6.3 | Hujah Maklum Balas Informan Terhadap Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam Bagi Kerjasama Parti Politik Melayu- Islam | 219 |
| Jadual 7.1 | Ringkasan Jawapan Kepada Objektif Kajian dan Persoalan Kajian | 243 |

SENARAI LAMPIRAN

| | | Halaman |
|------------|--|----------------|
| LAMPIRAN A | Set Soalan Temu Bual Awal (Sebelum Sesi Kajian Rintis) | 274 |
| LAMPIRAN B | Set Transkrip Jawapan Soalan Temu Bual Sebenar | 279 |

SENARAI RAJAH

| | | Halaman |
|-----------|---|----------------|
| Rajah 1.1 | Perbandingan Kerusi Parlimen yang Ditandingi dan Dimenangi oleh UMNO dan PAS pada PRU ke-11, 12 dan 13 | 12 |
| Rajah 2.1 | Konsep Politik Perpaduan Negara Madinah | 72 |
| Rajah 2.2 | Kerangka Konseptual Kajian | 78 |
| Rajah 3.1 | Contoh Muka Depan Perisian ATLAS.ti versi 7.1.8 | 103 |
| Rajah 3.2 | Prosedur Penggunaan PAV7.1.8 dalam Penganalisan Data Kajian | 105 |
| Rajah 3.3 | Carta Alir Kajian | 109 |
| Rajah 5.1 | Prinsip Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam | 166 |
| Rajah 5.2 | Kerangka Kaedah Pelaksanaan Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam Berdasarkan Model Negara Madinah 622-632M | 178 |
| Rajah 5.3 | Kerangka Konsep Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam Bersumberkan al-Qur'an, Hadith dan Sirah Nabi Muhammad SAW | 180 |
| Rajah 6.1 | Dapatan Pandangan Informan Mengenai Situasi Perkembangan Perpaduan Parti Politik Melayu-Islam | 191 |
| Rajah 6.2 | Dapatan Pandangan Informan Mengenai Halangan Perpaduan Parti Politik Melayu-Islam | 197 |
| Rajah 6.3 | Dapatan Perbincangan Informan Mengenai Kepentingan Perpaduan Parti Politik Melayu-Islam | 200 |
| Rajah 6.4 | Dapatan Pandangan Informan Mengenai Kelemahan Kerajaan Perpaduan di Malaysia | 206 |
| Rajah 6.5 | Dapatan Pandangan Informan Mengenai Isu Utama Kerajaan Perpaduan | 207 |
| Rajah 6.6 | Dapatan Pandangan Informan Mengenai Faktor-Faktor Kegagalan Kerajaan Perpaduan | 213 |
| Rajah 6.7 | Dapatan Maklum Balas Informan Terhadap Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam bagi Kerjasama Parti Politik Melayu-Islam | 218 |

| | | |
|-----------|--|-----|
| Rajah 6.8 | Dapatan Pandangan Informan Terhadap Kesesuaian Konsep Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam bagi Kerjasama Parti Politik Melayu-Islam | 221 |
| Rajah 6.9 | Dapatan Pandangan Informan Mengenai Ciri-Ciri Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam bagi Kerjasama Parti Politik Melayu-Islam | 225 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|---------|---|
| ADIL | Angkatan Keadilan |
| AMANAH | Parti Amanah Negara |
| API | Angkatan Pemuda Insaf |
| APU | Angkatan Perpaduan Ummah |
| AWAS | Angkatan Wanita Sedar |
| BA | Barisan Alternatif |
| BATAS | Barisan Tani Malaya |
| bil. | Bilangan |
| DAP | Parti Tindakan Demokratik |
| Dlm. | Dalam |
| FATAH | <i>Ḥarakat al-Tahrīr al-Waṭāniy al-Filasṭīniy</i> |
| GERAKAN | Parti Gerakan Rakyat Malaysia |
| GNU | <i>Government National Unity</i> |
| hal. | Halaman |
| HAMAS | <i>Ḥarakat al-Muqāwamā al-Islāmiyyā</i> |
| KMM | Kesatuan Melayu Muda |
| M | Masihi |
| MCA | <i>Malaysian Chinese Association</i> |
| MIC | <i>Malaysian Indian Congress</i> |
| MPS | <i>Multiparty Parliamentary System</i> |
| PAS | Parti Islam Se-Malaysia |
| PESAKA | Parti Pesak-Bumiputera Bersatu |
| PKMM | Parti Kebangsaan Melayu Malaya |
| PKR | Parti Keadilan Rakyat |
| PR | Pakatan Rakyat |
| PRM | Parti Rakyat Malaya |
| PRU | Pilihan Raya Umum |
| PSM | Parti Sosialis Malaysia |
| PUTERA | Pusat Tenaga Rakyat |
| Samb. | Sambungan |
| SAW | <i>Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam</i> |
| sunt. | Suntingan |

| | |
|-------|---|
| SWT | <i>Subḥānah wa Ta'ālā</i> |
| terj. | Terjemahan |
| UG | <i>Unity Government</i> |
| UMNO | <i>United Malay National Organisation</i> |
| USNO | Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu |

PANDUAN TRANSLITERASI

| HURUF RUMI | HURUF ARAB | HURUF RUMI | HURUF ARAB |
|------------|------------|------------|------------|
| t | ط | - | ا |
| z | ظ | B | ب |
| , | ع | T | ث |
| gh | غ | Th | ث |
| f | ف | J | ج |
| q | ق | ḥ | ح |
| k | ك | Kh | خ |
| l | ل | D | د |
| m | م | Dh | ذ |
| n | ن | R | ر |
| w | و | Z | ز |
| h | هـ | S | س |
| , | ء | Sy | ش |
| y | ي | ṣ | ص |
| ṭ | ة | ḍ | ض |

| PENDEK | | PANJANG | | DIFTONG | |
|--------|----|---------|-----|---------|-------|
| a | ـَ | ā | آ | ay | أَيَّ |
| i | ـِ | ī | إِي | aw | أَوَّ |
| u | ـُ | ū | أُو | | |

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

**KERAJAAN PERPADUAN BERTERASKAN ISLAM DENGAN RUJUKAN
KHUSUS PARTI POLITIK MELAYU-ISLAM DI MALAYSIA**

ABSTRAK

Konsep kerajaan perpaduan pernah dikemukakan di Malaysia selepas berlakunya ‘tsunami politik’ pada tahun 2008, namun ia tidak terlaksana. Kerajaan perpaduan yang ingin dilaksanakan itu adalah berasaskan permuafakatan politik melalui perpaduan parti-parti politik pro-kerajaan dan pro-pembangkang untuk membentuk kerajaan. Konsep permuafakatan seperti ini pernah dibentuk di beberapa negara di Eropah, Afrika dan Asia. Bahkan telah diaplikasi di negara Muslim seperti Palestin dan Indonesia. Namun, ia masih lagi gagal menyelesaikan konflik dan krisis dalaman negara pengamalnya. Persoalannya, adakah wajar permuafakatan politik dibentuk melalui konsep kerajaan perpaduan di Malaysia? Apakah kesesuaian yang perlu jika konsep kerajaan perpaduan diambil sebagai bentuk kerjasama dalam kalangan parti politik Melayu-Islam? Berdasarkan persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan, kajian ini bertujuan mengkaji konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam dan kesesuaiannya dalam membentuk kerjasama parti politik Melayu-Islam di Malaysia. Secara spesifik, kajian ini mempunyai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam. Kedua, menganalisis perpaduan parti politik Melayu-Islam di Malaysia berdasarkan konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam. Ketiga, mencadangkan konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam dalam kerjasama parti politik Melayu-Islam di Malaysia. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif melalui reka bentuk kajian penerokaan dan deskriptif dengan melibatkan dua fasa. Fasa pertama dikhususkan kepada pengumpulan data sekunder yang dianalisis menerusi kaedah analisis kandungan

bagi menjawab objektif pertama. Hasil penelitian mendapati setakat ini konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam masih belum dikaji. Oleh itu, satu kerangka konseptual kerajaan perpaduan berteraskan Islam telah dibangunkan. Kerangka ini berdasarkan lima kesimpulan yang ditemui. Pertama, konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam merupakan manifestasi daripada Negara Madinah 622-632M yang diasaskan oleh Nabi Muhammad SAW. Kedua, konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam merupakan sebuah konsep pembentukan kerajaan yang beracuankan tasawur Islam dengan menjadikan paradigma Tauhid sebagai tunjang dan bersumberkan epistemologi Islam. Ketiga, terdapat tiga prinsip kerajaan perpaduan berteraskan Islam iaitu perpaduan *insāniyyat*, perpaduan *dīniyyat* dan perpaduan *waṭaniyyat*. Keempat, ciri-ciri kerajaan perpaduan berteraskan Islam yang merangkumi kepimpinan, syura, jaminan perlembagaan dan keadilan. Kelima, dua kaedah pelaksanaan kerajaan perpaduan berteraskan Islam iaitu melalui kaedah ukhuwah Islamiah dan *taḥāluf siyāsī*. Fasa kedua pula tertumpu kepada pengumpulan data primer melalui instrumen sesi temu bual mendalam terhadap sembilan (9) informan terpilih bagi menjawab objektif kedua dan ketiga. Dapatan kajian yang telah dikumpulkan itu kemudiannya dianalisis melalui kaedah analisis kandungan dengan menggunakan Perisian ATLAS.ti versi 7.1.8. Berdasarkan rumusan analisis dapatan kajian, konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam sesuai diaplikasikan di Malaysia terutama dalam membentuk kerjasama dan perpaduan parti-parti politik Melayu-Islam dengan menekankan kaedah ukhuwah Islamiah dan *taḥāluf siyāsī*.

**ISLAMIC-BASED UNITY GOVERNMENT WITH SPECIAL REFERENCE
TO MALAY-MUSLIM POLITICAL PARTIES IN MALAYSIA**

ABSTRACT

Unity government concept was used to propose during ‘Malaysia’s political tsunami’ in 2008. Nevertheless, it has not been implemented. The unity government to be implemented is based on political consensus by fusing cooperating between pro-government parties and pro-opposition parties in order to run the government. His type of consensus concept was ever established in several countries as Europe, Africa and Asia. Even been applied in Muslim countries as Palestine and Indonesia. However, it still failed to solve the country’s internal conflict and crisis. What’s it worth to form political agreement through the concept of unity government in Malaysia? What are the ideal of unity government concept to be considered as coalition amongst Malay-Muslim political parties? Based on these questions, this study aims to examine the concept of Islamic-Based Unity Government. Specifically, this study has three objectives. First, to identify the concept of Islamic Based Unity Government. Second, to analyse the unity of Malay-Muslim political party in Malaysia according to the concept of Islamic-Based Unity Government. Third, to propose the concept of Islamic-Based Unity Government by developing a coalition between the Malay-Muslim political parties in Malaysia. This study used a qualitative research approach through exploratory studies and descriptive design involving two phases. The first phase intended in answer the first objective by collection of secondary data and were analysed by using content analysis method. The results so far found that the concept of Islamic-Based Unity Government has not yet been extensively studied. Therefore, a conceptual framework of Islamic-Based

Unity Government was developed in this study. This framework is based on five conclusions found. Firstly, the concept of Islamic-Based Unity Government is a manifestation of the Islamic State of Medina 622-632M was founded by Prophet Muhammad SAW. Secondly, Islamic Based-Unity Government concept is a government building concept that is moulded by Islamic tasawur and integrated with tawhid paradigm as a basis and derived from Islamic epistemology. Thirdly, there are three principles of Islamic-based unity government namely the unity of *insāniyyat*, *dīniyyat* and *waṭaniyyat*. Fourthly, the characteristics of Islamic based Unity Government are including leadership, shura, constitutional guarantees and justice. Fifth, there are two methods of implementation toward Islamic Based unity government namely ukhuwah Islamiah method and *taḥāluf siyāsī*. The second phase focused on collecting primer data through in-depth interviews instrument nine (9) selected informants to address the second and third objectives. All findings data were analysed through content analysis by using ATLAS.ti version 7.1.8 software. In conclusion, the conceptual framework of Islamic-Based Unity Government proposed in this study is applicable in Malaysia, especially to form a coalition and unity of Malay-Muslims political parties by emphasizing on ukhuwah Islamiah and *taḥāluf siyāsī*.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Sejak kebelakangan ini wacana kerajaan perpaduan lebih tertumpu kepada perbincangan mengenai krisis perpaduan dalam kalangan parti-parti politik Melayu-Islam (Norhayati Mohd Salleh, 2008). Hal ini disebabkan rentetan daripada ‘tsunami politik’¹ yang berlaku selepas Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12) mempamerkan kemandirian parti-parti politik Melayu-Islam menangani krisis perpecahan (Suhana Saad et al., 2012; Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan Othman, Zulkanain & Rosmadi, 2011; Liow, 2011; Hamayotsu, 2010). Disebabkan krisis perpecahan ini tidak menemukan jalan penyelesaian, kajian ini bertujuan menganalisis konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam dengan rujukan khusus kepada kerjasama parti politik Melayu-Islam di Malaysia. Hasil daripada analisis ini dapat merumuskan satu kaedah untuk membentuk kerajaan perpaduan berteraskan Islam.

Dalam bab pengenalan ini, perbincangan yang dilakukan adalah berkaitan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian dan organisasi tesis. Perbincangan dalam bab ini penting untuk memberikan gambaran awal terhadap kajian yang dilakukan.

¹ ‘Tsunami politik’ bermaksud suatu gelombang besar yang menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional (BN) di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor; mengekalkan Kerajaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Kelantan dan menafikan majoriti dua pertiga undi BN di Parlimen selepas PRU-12 (Zawiyah Mohd Zain & Mohammad Agus Yusoff, 2012).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kerajaan perpaduan boleh dikaitkan dengan dua model kerjasama politik yang diaplikasikan oleh beberapa negara di dunia ini. Pertama, model Kerajaan Perpaduan Nasional (GNU)². Model ini telah diaplikasikan oleh beberapa buah negara yang mengalami krisis seperti di negara Eropah, Afrika dan Palestin (Laws, 2012). Kedua, model Sistem Parlimen Berbilang Parti (MPS)³. Model ini kebanyakannya diamalkan oleh negara-negara Eropah dan Asia selepas Perang Dunia Ke-2 dan Perang Dingin.

1.2.1 Kerajaan Perpaduan Nasional (GNU)

Istilah Kerajaan Perpaduan secara lazimnya merujuk kepada model GNU atau istilah popularnya iaitu Kerajaan Perpaduan (UG)⁴. Model GNU menggambarkan percaturan perkongsian kuasa institusi formal yang bertujuan menyediakan keselamatan dan kestabilan politik di negara-negara yang berkonflik (Laws, 2012). Menurut *Governance, Social Development, Humanitarian and Conflict*⁵ (2009), GNU adalah kerajaan campuran yang terdiri daripada semua pihak atau kesemua pihak utama dalam legitimasi. Pihak-pihak ini biasanya terbentuk semasa berlakunya konflik atau darurat.

Pembentukan GNU adalah berasaskan semua parti politik utama tidak kira pro-kerajaan atau pro-pembangkang yang merupakan sebahagian daripada parti

² Istilah Bahasa Inggerisnya ialah *Government of National Unity* (GNU).

³ Istilah Bahasa Inggerisnya ialah *Multiparty Parliamentary System* (MPS).

⁴ UG merujuk kepada *Unity Government*.

⁵ *Governance, Social Development, Humanitarian and Conflict* (GSDRC) ialah sebuah portal *online* yang menyediakan perkhidmatan ilmu pengetahuan berkaitan isu-isu tadbir urus, pembangunan sosial, kemanusiaan dan pengurusan konflik. Untuk maklumat lanjut boleh dirujuk di laman sesawang www.gsdr.org.

pemerintah untuk bersama-sama mentadbir negara dalam sistem parlimen (Mapuva, 2010). Kini, konsep GNU telah diaplikasi dalam pembahagian kuasa pentadbiran kerajaan di Kanada, Israel, United Kingdom, Belgium, Cyprus, Zimbabwe, Republik Demokratik Congo, Somalia, Sudan, Afrika Selatan, Mozambique, Ivory Coast, Palestin, Yemen, Macedonia dan Burundi (Laws, 2012; Mapuva, 2010).

Menurut Percyslage dan Tobias (2011), Cheesemen dan Tendi (2010) dan Mapuva (2010), model GNU secara praktikalnya melibatkan parti politik pro-kerajaan dan parti politik pro-pembangkang yang berkongsi konsep kerajaan perpaduan. Kajian-kajian mereka mempamerkan bahawa pembentukan kerajaan GNU seperti di Zimbabwe dan Kenya adalah bertujuan menyelesaikan konflik dan krisis pasca pilihan raya negara tersebut. Penyelesaian krisis ini melibatkan pembinaan kerajaan yang mewakili semua pihak dalam kalangan parti politik utama pro-kerajaan dan pro-pembangkang.

Terdapat tiga perkara penting yang diusulkan untuk kerajaan perpaduan Zimbabwe-Kenya. Pertama, semua pihak termasuk parti pembangkang mempunyai akses kepada kuasa dalam kerajaan yang dibentuk. Kedua, membenarkan penyertaan luas yang memberi legitimasi kepada kerajaan dan tindakan proses perdamaian. Ketiga, menyediakan pemimpin politik dengan intensif kepada kuasa dan mempunyai pendirian sederhana untuk pembaharuan yang berkesan bagi menangani ketidakstabilan politik.

Aplikasi GNU juga dilaksanakan di negara Muslim, seperti di Palestin. Pembentukan GNU Palestin telah ditandatangani pada 8 Februari 2007 di Mekah atas inisiatif

Amerika Syarikat dan Liga Arab. Ia menyaksikan Parti Pergerakan Pembela Islam (HAMAS)⁶, Parti Pertubuhan Pembebasan Palestin (FATAH)⁷ dan Parti BEBAS bersama-sama berkongsi kuasa mentadbir kerajaan. Tujuan utamanya adalah untuk menamatkan keganasan dan sekatan bantuan antarabangsa di Palestin (Morro, 2007; Challand, 2009).

Menurut Morro (2007) dan Challand (2009), konsep yang telah dipersetujui dalam pembentukan GNU Palestin ialah parti-parti politik yang memenangi pilihan raya umum diberi peluang bersama-sama untuk membentuk kerajaan. Ketika itu, parti politik terbesar di Palestin terdiri daripada Parti HAMAS dan Parti FATAH. Pada pilihan raya tersebut, Parti HAMAS telah memenangi kerusi terbanyak di Parlimen Palestin. Oleh yang demikian, Parti HAMAS diberi kuasa untuk mengawal sembilan kementerian dan diberikan jawatan sebagai Perdana Menteri Palestin. Manakala Parti FATAH diperuntukkan enam kementerian sahaja untuk ditadbir dan selebihnya Parti BEBAS diberi dua kementerian.

Konsep GNU yang dibentuk oleh Parti HAMAS, Parti FATAH dan Parti Bebas telah bersepakat dalam dua perkara asas. Pertama, menjadikan Jerusalem/Gaza sebagai ibu negara Palestin. Kedua, menegaskan hak rakyat Palestin secara bersama untuk mengelakkan daripada keganasan Israel dan rintangan antarabangsa (Casalin & Herremans, 2011).

⁶ Nama asalnya ialah *Ḥarakat al-Muqāwamā al-Islāmiyyā* dipetik daripada laman sesawang www.global.britannica.com/EBchecked/topic/253202/Hamas

⁷ Nama asalnya *Ḥarakat al-Tahrīr al-Waṭāniy al-Filasṭīniy* dipetik daripada laman sesawang www.global.britannica.com/EBchecked/topic/202423/Fatah

Selain itu, di sebelah Asia Tenggara pula, model kerajaan perpaduan dikaitkan dengan negara Indonesia. Hal ini merujuk kepada idea konsep kerajaan perpaduan yang dilontarkan oleh Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Abdul Hadi Awang. Abdul Hadi Awang (2009) menyatakan idea konsep pembentukan kerajaan perpaduan di Malaysia yang dikemukakan adalah berdasarkan model pembentukan kerajaan perpaduan Indonesia semasa pentadbiran bekas presiden, B. J. Habibie selepas berlakunya reformasi politik di negara tersebut pada tahun 1998.

Namun begitu, kajian-kajian berkaitan GNU seperti yang dilakukan oleh Percyslage dan Tobias (2011), Cheesemen dan Tendi (2010), Mapuva (2010), Challand (2009) dan Morro (2007) mendapati tidak ada perbincangan yang menyatakan pembentukan Negara Indonesia merupakan model kerajaan perpaduan seperti yang diamalkan oleh beberapa buah negara Afrika, Eropah dan Asia Barat.

1.2.2 Sistem Parlimen Berbilang Parti (MPS)

Penelitian yang lebih khusus dilakukan pula terhadap pembentukan kerajaan perpaduan di Indonesia selepas berlakunya reformasi politik pada tahun 1998.⁸ Penelitian ini mendapati pengkaji seperti Liddle dan Saiful Mujani (2006) menyatakan bahawa pembentukan kerajaan perpaduan di Indonesia selepas tahun 1998 mengguna pakai model MPS. Menurut Mainwaring (1993), MPS merupakan sebuah model pembentukan kerajaan berdasarkan permuafakatan antara semua parti

⁸ Sejarah awal perkembangan perpaduan dalam kalangan parti-parti politik di Indonesia berlaku pada tahun 1945-1960 dengan pembentukan Majlis Syura Muslimin Indonesia (Masyumi). Pembentukan Masyumi melibatkan empat organisasi Islam iaitu Muhammadiyah, Nahdatul Ulama, Perserikatan Umat Islam dan Persatuan Umat Islam yang bertanding dalam Pilihanraya Umum di Indonesia. Namun perpaduan politik tersebut hanya berfokuskan kepada penyatuan umat Islam dalam lapangan politik dan masyarakat di Indonesia ((Noor Ishak, 2009; Lucius, 2003; Kholil Fathul Umam, 2007).

politik yang memenangi pilihan raya peringkat parlimen. Permuafakatan tersebut dijadikan sebab pelantikan presiden atau perdana menteri yang mendapat persetujuan daripada semua parti politik yang bekerjasama melalui pencalonan daripada parti yang diwakili. Konsep ini juga dikenali sebagai UG.

Sejarah bermulanya model MPS ini dibentuk selepas berlakunya Perang Dingin di Eropah. Pembentukan kerajaan selepas kemusnahan, krisis dan perpecahan akibat perang dapat dilihat aplikasinya di Itali, Belgium, Switzerland dan beberapa negara Eropah serta negara Amerika Latin. Kebanyakan negara ini mengamalkan sistem republik dan sistem presiden dalam pemerintahan (Schofield & Sened, 2002).

Contohnya di Itali, kerajaan perpaduan melalui kerangka MPS digunakan selepas awal tahun 1990-an. Hal ini disebabkan politik negara Itali telah mengalami perubahan yang dramatik akibat skandal rasuah yang melibatkan elit politik di Itali pada tahun 1992-1994. Krisis politik tersebut telah menghasilkan revolusi terhadap institusi-institusi utama seperti institusi eksekutif, kehakiman dan diikuti dengan mengubah secara keseluruhan sistem pilihan raya setelah hampir 40 tahun menjadi amalan demokrasi di Itali. Amalan MPS digunakan dalam sistem parlimen Itali telah berjaya memberi keseimbangan terhadap kemunculan parti-parti politik baru untuk bersama-sama membentuk kerajaan Itali (Gianneti & Sened, 2004).

Di samping itu merujuk kembali situasi pembentukan MPS di Indonesia, selepas berlakunya reformasi politik pada tahun 1998, ia telah menyebabkan wujudnya parti-parti politik baru yang bertanding pada pilihan raya negara Indonesia (Denny, 2006; Carnegie, 2008). Kewujudan pelbagai parti ini telah menjadikan model MPS telah

dipilih dalam pembentukan kerajaan Indonesia. Menurut Liddle dan Saiful Mujani (2006), aplikasi model MPS telah membentuk kerajaan perpaduan yang terdiri daripada 17 parti yang menduduki 550 kerusi parlimen yang dipertandingkan dalam pilihan raya umum Indonesia sesi 2004-2009. Hal ini membuktikan amalan pelbagai parti digunakan dalam membentuk kerajaan dan bertanggungjawab memilih presiden dan ahli kabinet bagi negara Indonesia.

1.2.3 Konsep Kerajaan Perpaduan di Malaysia

Secara umumnya latar belakang politik Malaysia adalah berasaskan masyarakat yang berbilang kaum. Aplikasi politik permuafakatan menjadi pilihan terbaik sebagai alat untuk mengekalkan keamanan dan perpaduan dalam kalangan rakyat yang bersifat majmuk. Menurut Lijphart (1968) Malaysia merupakan salah satu negara yang bersifat majmuk masyarakatnya selain Belanda, Austria dan Switzerland telah berjaya membentuk sebuah kerajaan demokrasi berasaskan kerjasama bagi elit setiap kaum dengan berkongsi kuasa dalam pemerintahan negara-negara tersebut.

Di Tanah Melayu (sekarang Malaysia), konsep kerjasama antara parti-parti politik mula diamalkan selepas kemerdekaan. Tuanku Abdul Rahman menggunakan konsep asas demokrasi permuafakatan untuk membentuk kompromi dengan kaum lain yang berpengaruh seperti Cina dan India bagi mencapai keamanan dan perpaduan kaum. Gabungan ini bermula sejak Pilihan Raya Bandaran Kuala Lumpur 1952 dengan kerjasama Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Parti *Malaysian Chinese Association* (MCA) dan *Malaysian Indian Congress* (MIC) serta seterusnya dalam

pilihan raya umum pertama pada tahun 1955 yang dikenali sebagai Parti Perikatan (Shamsul Amri Baharuddin, 1996).

Pada tahun 1969 iaitu selepas berlakunya konflik perkauman pada 13 Mei 1969, terbentuknya Barisan Nasional (BN) yang diwakili UMNO, MCA, MIC, PAS, Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), Parti Pesaka-Bumiputera Bersatu dan Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) pada tahun 1973 (Hasrom Haron, 2011). Namun, PAS hanya bertahan selama empat tahun dalam permuafakatan politik dalam BN. Walaupun PAS keluar daripada BN, permuafakatan politik tersebut kekal sebagai gabungan parti yang memerintah Malaysia sehingga kini.

Kerjasama antara parti politik selain BN selepas tahun 1977 menyaksikan tertubuhnya Angkatan Perpaduan Ummah (APU) pada tahun 1990. APU adalah kerjasama antara parti politik PAS, Parti Melayu Semangat 46 dan Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (BERJASA). Hasil daripada kerjasama ini menyebabkan PAS dapat memerintah Negeri Kelantan pada tahun 1990 (Mohammad Agus Yusoff, 2006). Kemudian, pada tahun 1999 Barisan Alternatif (BA) dibentuk selepas Malaysia mengalami krisis politik akibat pemecatan Anwar Ibrahim daripada UMNO dan Kabinet Kerajaan Malaysia. Kerjasama politik ini melibatkan PAS, Angkatan Keadilan (ADIL), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Sosialis Malaysia (PSM). Hasil daripada kerjasama ini, BA telah berjaya memerintah dua negeri di Malaysia iaitu Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu selepas pilihanraya umum ke-10 (PRU-10) pada 1999. Kerjasama politik dilihat semakin dinamik dan memberi saingan kepada gabungan parti pemerintah BN dengan penubuhan Pakatan Rakyat

(PR)⁹ pada tahun 2008. Tujuan penubuhan PR ini adalah untuk menggantikan BN dalam memerintah Malaysia (Maznah Mohamed, 2008).

Pada tahun 2009, konsep kerajaan perpaduan iaitu cadangan kerjasama politik dalam bentuk baru telah dicetuskan oleh Presiden PAS pada tahun 2009¹⁰. Cadangan pembentukan kerajaan perpaduan yang dikemukakan adalah berdasarkan suasana politik pada masa tersebut selepas berlakunya pilihan raya umum ke-12 (PRU-12) pada tahun 2008. Konsep tersebut secara umumnya menuntut supaya Barisan Nasional (BN) berkongsi kuasa dengan Pakatan Rakyat (PR) pada peringkat pembentukan kerajaan persekutuan. Setiap kementerian mesti dikuasai bersama-sama dan dasar-dasar perlu ditentukan secara konsensus. Oleh yang demikian, konsep kerajaan perpaduan ini menggambarkan bahawa ia bukan suatu keadaan yang PR berada di bawah penguasaan parti politik kerajaan iaitu BN, tetapi mempunyai taraf yang sama sebagai rakan kongsi dalam kerajaan persekutuan (Hafiz Baqi, 2009).

Namun, konsep kerajaan perpaduan ini tidak menjadi realiti kerana parti-parti komponen dalam PR seperti DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) tidak bersetuju dengan cadangan tersebut (Suhana Saad et al., 2012). Walau bagaimanapun, konsep kerajaan perpaduan ini masih diperkatakan dalam wacana kerjasama dan perpaduan politik di Malaysia sehingga kini yang berfokuskan permuafakatan politik antara PAS dengan UMNO. Oleh yang demikian, konsep kerajaan perpaduan ini dilihat antara konsep yang dikemukakan dalam amalan kerjasama politik di Malaysia yang

⁹ PR merupakan satu perikatan baharu parti-parti politik Malaysia yang ditubuhkan semasa menghadapi Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12 pada tahun 2008. Perikatan ini terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat, Parti Islam Se-Malaysia serta Parti Tindakan Demokratik (PKR-PAS-DAP) yang merupakan pihak pembangkang dalam Parlimen Malaysia (Andrew, 2004).

¹⁰ Untuk maklumat lanjut boleh lihat laman sesawang http://www.youtube.com/watch?v=0yUCu_u59

bertujuan untuk menangani cabaran perpaduan dalam masyarakat di Malaysia yang berbilang kaum dan agama terutama dalam kalangan orang Melayu.

Dalam perkembangan politik permuafakatan atau kerjasama parti-parti politik di Malaysia sejak kemerdekaan hingga sekarang, kelihatan parti politik dalam kalangan Melayu-Islam menjadi tunjang kepada asas kerjasama politik yang dibentuk. Hal ini dilihat daripada penglibatan UMNO dalam Parti Perikatan dan BN. Manakala PAS dalam APU, BA dan PR. Hal ini juga kelihatan dalam kerjasama politik UMNO dan PAS dalam BN pada tahun 1974 yang berfokuskan tiga asas iaitu menjamin kestabilan politik, mengekalkan ketuanan Melayu dan menyerapkan Islam dalam pemerintahan Malaysia (Faisal@Ahmad Faisal & Hamidah Jalani, 2010; Mohamed Mustafa Ishak, 2014). Justeru, keadaan ini mempamerkan Melayu dan Islam telah menjadi agenda dasar yang diperjuangkan oleh kedua-dua parti tersebut.

Sehingga kini, keadaan tersebut masih menunjukkan bahawa dua parti politik ini adalah parti paling dominan di negara ini, khususnya pengaruh mereka dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam. Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan Othman, Zulkanain dan Rosmadi (2011) telah menjalankan kajian terhadap sokongan komposisi etnik Melayu-Islam kepada Parti UMNO dan Parti PAS dalam PRU ke-12. Kajian yang dilakukan mempamerkan pandangan bahawa UMNO dan PAS adalah parti yang dominan dalam perjuangan politik Melayu-Islam. Dapatan kajian tersebut dirumuskan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Analisis Regresi Berganda antara Undi Kepada UMNO dan PAS Dengan Komposisi Etnik Dalam Kawasan Pilihan Raya Parlimen Pada PRU 2008

| | | Melayu (%) |
|----------|------------------|------------|
| UMNO (%) | Korelasi Pearson | .61 |
| | Nilai-P | .00 |
| | N | 102 |
| PAS (%) | Korelasi Pearson | .84 |
| | Nilai-P | .00 |
| | N | 65 |


Sumber: Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan Othman, Zulkanain dan Rosmadi (2011)

Analisis daripada Jadual 1.1 tersebut menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang kuat dengan korelasi yang positif di antara komposisi Melayu-Islam dan sokongan bagi kedua-dua parti UMNO ($r=.61$, $n=102$, $p<.0005$) dan PAS ($r=.84$, $n=65$, $p<.0005$). Kajian ini jelas merumuskan bahawa semakin ramai pengundi Melayu-Islam dalam sesebuah kawasan pilihan raya, maka semakin tinggi sokongan yang akan diperoleh oleh kedua-dua parti tersebut. Oleh yang demikian, UMNO dan PAS dilihat masih bergantung kepada undi dan sokongan Melayu-Islam untuk menang seterusnya membentuk kerajaan. Perkembangan ini dilihat menjadi pendorong kepada konsep kerajaan perpaduan yang diwacanakan sebagai bentuk kerjasama politik di Malaysia terutama dalam kalangan parti politik Melayu-Islam di Malaysia (Ahmad Zaharuddin Sani, 2014; Hamayotsu, 2010).

1.3 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Politik Melayu-Islam di Malaysia sedang menghadapi cabaran perpaduan yang kritikal. Pergolakan dalam politik Melayu-Islam dikesan semakin meruncing selepas PRU-12 dan PRU-13. Pasca pilihan raya tersebut memperlihatkan bahawa prestasi parti politik Melayu-Islam seperti UMNO dan PAS tidak konsisten. Prestasi UMNO

yang masih merosot dari segi bilangan kerusi yang dimenangi dan PAS paling sedikit bilangan kerusi dalam kalangan parti pembangkang di Parlimen menyebabkan timbul kerisauan masyarakat Melayu-Islam (Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan Othman, Zulkanain dan Rosmadi, 2011). Rajah 1.1 mempamerkan gambaran tersebut.



Rajah 1.1: Perbandingan Kerusi Parlimen yang Ditandingi dan Dimenangi oleh UMNO dan PAS pada PRU ke-11, 12 dan 13

(Sumber: Diadaptasi daripada Junaidi Awang Besar et al., 2014; Lee Kam King & Thork Ker Pong, 2014)

Rajah 1.1 ini menunjukkan prestasi UMNO dan PAS mengalami kemerosotan berbanding dengan prestasi yang dicapai pada PRU ke-11. Di samping itu, walaupun UMNO berjaya meningkatkan jumlah kerusi pada PRU ke-13, namun jumlah kerusi yang dimenangi hanya meningkat sebanyak 10 kerusi di Parlimen. Sementara PAS

mengalami kemerosotan jumlah kerusi yang dimenangi pada PRU ke-13 iaitu berkurang sebanyak dua kerusi di Parlimen berbanding pada PRU ke-12.

Tambahan lagi, pelbagai isu yang berkait rapat dengan Melayu-Islam menjadi polemik yang tiada penghujungnya seperti isu dominasi masyarakat Cina akibat ‘tsunami Cina’¹¹, isu hak keistimewaan orang Melayu, isu penggunaan kalimah Allah SWT dalam *Bible*, isu serangan pemikiran yang merosakkan akidah Islam seperti sekularisme, liberalisme dan pluralisme, ancaman murtad dan isu hak asasi manusia yang mengancam cara hidup orang Islam di Malaysia (Shaharuddin Badaruddin, 2016; Ibrahim Abu Bakar & Zakaria Stapa, 2015; Asyraf Wajdi Dusuki, 2014; Khalif Muammar, 2013).

Situasi tersebut mempamerkan bahawa masyarakat Melayu-Islam masih lagi tidak mampu untuk bekerjasama dalam politik serta gagal mencapai matlamat secara bersama. Akibatnya, tiada kesepakatan yang boleh dijadikan panduan oleh umat Islam di Malaysia. Bahkan, penyatuan atau perpaduan yang amat digalakkan dalam Islam seolah-olah merangsang lagi krisis perpecahan. Justeru, timbul persoalan dalam kalangan sarjana bahawa telah kelihatan di Malaysia, Islam yang sepatutnya menyeru kepada penyatuan, perpaduan dan perdamaian seakan-akan menjadi punca konflik dan persaingan terutama dalam politik Melayu-Islam (Badrul Azmeir Mohamed@Bakar; Mujibu Abdul Muis & Zaliha Hj. Hussin, 2010; Idris Zakaria, 2012).

¹¹ Kenyataan yang dibuat oleh YAB Datuk Seri Najib Tun Razak dan sebahagian besar media arus perdana yang menyifatkan bahawa keputusan PRU ke-13 menunjukkan majoriti pengundi Cina terutamanya di kawasan bandar memihak kepada Pakatan Rakyat (PR) (Shaharuddin Badaruddin, 2016; Junaidi Awang Besar et al., 2014; Lee Kam King & Thork Ker Pong, 2014).

Namun, di sebalik krisis yang berlaku, realitinya Islam berperanan besar dalam politik di Malaysia. Menerusi pelbagai kajian dan penulisan yang telah dilakukan terhadap politik di Malaysia, agama Islam dikenal pasti antara elemen primordialisme¹² terpenting yang membentuk identiti politik di Malaysia terutama kaum majoriti iaitu Melayu dan Bumiputera (Badrul Azmeir Mohamed@Bakar; Mujibu Abdul Muis & Zaliha Hj. Hussin, 2010). Menurut Suhana Saad et al. (2012), politik Islam telah mendapat sambutan yang menggalakkan di negeri-negeri yang bermajoriti Melayu sejak pilihan raya pertama diadakan sehinggalah pilihan raya ke-13. Secara tidak langsung situasi ini bertepatan dengan teori dan aplikasi dalam Islam yang meletakkan agama sebagai tulang belakang penting dalam kerukunan politik dan kenegaraan. Sarjana Islam seperti Ibnu Sina, Al-Farabi, Ibnu Khaldun dan Imam Ghazali secara umumnya menyatakan bahawa dalam Islam seluruh spektrum pemikiran politik diasaskan atas ajaran agama (Hamid Fahmy Zarkasyi, 2009).

Konsep kerajaan perpaduan merupakan idea untuk menyatukan rakyat Malaysia khususnya kaum majoriti Melayu-Islam. Namun, tiada teori dan kerangka yang jelas terhadap konsep kerajaan perpaduan ini (Haris Zakapli, 2015). Cadangannya hanya merujuk kepada teori dan aplikasi di Negara Indonesia sahaja. Menurut Mainwaring (1993), konsep kerajaan perpaduan merujuk kepada sistem pelbagai parti dan presidensialisme adalah menjadi suatu "gabungan sulit" yang diaplikasi di 31 buah negara demokrasi di dunia yang didapati tidak memiliki kestabilan dalam pentadbiran negara.

¹² Yang paling awal atau yang pertama sekali terbentuk (Kamus Dewan, 2007).

Merujuk kepada aplikasi di Indonesia, model kerajaan perpaduan yang berkerangka MPS juga mengalami beberapa permasalahan. Secara asasnya, terdapat tiga permasalahan. Pertama, ketiadaan pihak (parti) majoriti dalam badan perundangan serta pengasingan kuasa yang akan membawa kepada kuasa eksekutif-legislatif menjadi buntu dan tidak dapat memberi kata putus. Kedua, pelbagai parti terarah untuk menghasilkan ideologi polarisasi. Ketiga, persaingan parti-parti politik dalam kerjasama yang dijalinan dilihat sukar untuk membina dan mengekalkan presiden berbanding dalam sistem parlimen (Mainwaring, 1993; Liddle & Saiful Mujani, 2006).

Begitu juga, pelaksanaan konsep kerajaan perpaduan iaitu GNU di Palestin. Konsep tersebut digunakan untuk menggabungkan dua parti umat Islam di negara tersebut iaitu Parti HAMAS dan Parti FATAH dalam pentadbiran negara Palestin¹³. Walau bagaimanapun GNU tersebut dirangka oleh Amerika Syarikat. Ia dirangka setelah mendapat tekanan antarabangsa apabila HAMAS memenangi pilihan raya di Palestin yang tercetusnya keganasan oleh Regim Israel (Challand, 2009).

Oleh yang demikian, konsep yang dibentuk dalam Kerajaan Perpaduan Palestin adalah mengikuti terma GNU yang memakai kerangka Barat. Pengaplikasian kerangka Barat di negara umat Islam tidak bersesuaian kerana perbezaan pandangan tasawur dan epistemologi Islam (Hamid Fahmy Zarkasyi, 2009). Sehingga hari ini krisis peperangan dan pencabulan Israel ke atas tanah air Palestin masih gagal untuk diselesaikan.

¹³ Kerajaan Perpaduan yang ditandatangani pada 8 Februari 2007 di Mekah. Parti Hamas mentadbir sembilan kementerian dan Parti Fatah mentadbir 6 kementerian dalam pembentukan kerajaan (Benoit Challand, 2009 dan Morro, 2007).

Dari sini, walaupun secara asasnya konsep kerajaan perpaduan sama ada GNU atau MPS ini mempunyai kelebihan yang mampu membawa kepada kerjasama dan membina keamanan, tetapi ia masih memberi kesan buruk yang boleh mendatangkan ancaman kepada negara. Hakikatnya, konsep kerajaan perpaduan yang dibina dalam pembentukan negara-negara tersebut khususnya yang terkini seperti di Palestin dan Zimbabwe hanya bersifat jangka pendek dan terbina atas konflik yang parah seperti peperangan. Percyslage dan Tobias (2011) menyatakan bahawa GNU telah menimbulkan kesan ancaman kepada proses demokrasi yang tiada kebebasan berideologi dan melemahkan fungsi parti pembangkang, parti-parti kecil (bebas) dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk menyatakan pandangan dan pembinaan negara. Antara sebabnya ialah kerajaan yang ditubuhkan adalah melalui perjanjian antara pemimpin parti-parti utama sahaja.

Penjelasan ini mempamerkan bahawa kerajaan perpaduan yang dibentuk masih mempunyai kelemahan dari segi aplikasi dan matlamat untuk mencapai perpaduan yang utuh. Penggunaan teori dan aplikasi daripada model GNU dan MPS menurut Barat juga telah membuatkan konsep kerajaan perpaduan di negara-negara umat Islam tidak berteraskan tasawur dan epistemologi Islam. Justeru, tidak wujudkah satu konsep kerajaan perpaduan yang digunakan dalam Islam?

Merujuk kepada Sirah Nabi Muhammad SAW, Baginda SAW telah membentuk sebuah negara Madinah selepas peristiwa Hijrah pada tahun 622M. Sebelum berlakunya Hijrah, bumi Madinah dahulunya dikenali sebagai *Yathrib*. Di sana berlakunya pergolakan politik yang telah mencetuskan perbalahan dan perpecahan dalam kalangan Suku Arab khususnya Suku *'Aws* dan Suku *Khazraj*.

Kemuncak perselisihan tersebut membawa kepada peperangan antara kedua-dua pihak yang berlaku di *Bu'āth* pada tahun 618M. Setelah terbentuknya negara Madinah, Rasulullah SAW mengambil masa hanya empat tahun untuk menyatukan kembali Suku *'Aws* dan Suku *Khazraj* yang merupakan suku asal dan majoriti di bumi Madinah (Ahzami Samiun Jazuli, 2006).

Penyatuan tersebut berkembang membentuk penyatuan dan perpaduan yang lebih besar melalui persaudaraan antara Muhajirin dengan Ansar. Kemudian berkembang menuju kepada pembentukan sebuah negara. Tema perpaduan diangkat sebagai satu gagasan utama menjadi asas kerajaan yang dibentuk. Hal ini boleh dilihat dalam *Bay'at al-'Aqabat* Pertama dan *Bay'at al-'Aqabat* Kedua dan *Ṣaḥīfat Madīnat* ('Ali 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, 1993; Ahzami Samiun Jazuli, 2006; Ali Irsyad, 2009).

Peristiwa ini berasaskan panduan al-Qur'an yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Al-Qur'an secara jelas membincangkan prinsip-prinsip kesatuan dalam menjalani kehidupan bermasyarakat dan bernegara seperti prinsip persatuan dan persaudaraan¹⁴, prinsip persamaan¹⁵, prinsip tolong menolong, prinsip membela golongan yang lemah dan prinsip perdamaian dalam peperangan¹⁶. Oleh yang demikian, perintah al-Qur'an untuk mewujudkan prinsip persamaan, persaudaraan dan perdamaian adalah demi kemaslahatan umat Islam dan umat manusia. Persoalannya, adakah prinsip-prinsip yang diperintahkan ini boleh digunakan sebagai panduan kepada pelaksanaan kerajaan perpaduan di negara umat Islam?

¹⁴ Surah *Ali-'Imrān*, 3:103 dan Surah *al-Hujurat*, 49:10

¹⁵ Surah *al-Nīsā'*, 4:1

¹⁶ Surah *al-Nīsā'*, 4:89-90 dan Surah *al-Anfāl*, 8:61

Berdasarkan Hadith juga ada dijelaskan bahawa Mukmin atau orang yang beriman itu adalah bersaudara. Persaudaraan ini bermaksud tidak melihat kepada hubungan kekeluargaan mahu pun pertalian darah¹⁷. Menurut Ibn Mānẓūr (1990) rumusan definisi persaudaraan dalam Islam adalah seperti persaudaraan yang telah diasaskan oleh Rasulullah SAW antara Muhajirin (dari Mekah) dengan Ansar (dari Madinah). Rasulullah SAW mengajak umatnya menghormati antara satu sama lain. Persaudaraan tersebut menuntut supaya menghidupkan agama dengan tolong menolong antara satu sama lain.

Gambaran persaudaraan dan perpaduan antara Muhajirin dengan Ansar dapat dilihat melalui Hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Mālik yang bermaksud:

“Tatkala orang-orang Muhajirin dari Makkah ke Madinah, mereka datang dengan tangan kosong. Orang-orang Ansar pula merupakan orang yang memiliki tanah dan ladang anggur. Lalu orang Ansar membahagikan kepada orang-orang Muhajirin beberapa hasil harta mereka setiap tahun, mengambil mereka bekerja dan memberikan bantuan kewangan” (Riwayat Muslim, No. Hadith: 3139).

Muhajirin dan Ansar bukan sahaja bersatu dan berpadu dalam membina kehidupan secara permuafakatan, tetapi juga bersatu dalam menghadapi ancaman musuh daripada orang-orang musyrik (Ibn Hisyām, 2009; al-Mubārakfūriy, 2004; al-Būṭiy, 1977).

Mereka juga tidak mengharapkan balasan kebendaan dan pujian daripada Allah SWT dan Rasul-Nya, tetapi hanya mengharapkan keredaan Allah SWT semata-mata

¹⁷ Nabi SAW bersabda: “Seseorang Muslim itu merupakan saudara kepada Muslim yang lain. Ia tidak boleh menganiayainya dan menghilangkan keselamatannya” (Riwayat al-Bukhariy, No. Hadith: 6437).

seperti yang digambarkan dalam riwayat Hadith Muslim seperti berikut yang bermaksud:

“Rasulullah datang kepada kami sedang kami menggali parit (dalam satu peperangan) dan kami memikul tanah di atas belakang kami, lalu Baginda bersabda: Wahai Tuhan, tidak ada kehidupan melainkan kehidupan akhirat maka ampunkanlah orang-orang Muhajirin dan Ansar” (Riwayat Muslim, No. Hadith: 1431).

Sifat yang dipamerkan oleh Muhajirin dan Ansar menyerlahkan kekuatan ukhuwah tersebut yang akhirnya menyaksikan pertalian persaudaraan antara Muhajirin dengan Ansar. Persaudaraan ini menjadi asas kepada pembentukan negara Islam pertama dalam sejarah dunia (al-Būṭiy, 1977). Berdasarkan sejarah tersebut, persoalannya di sini ialah bagaimanakah ciri-ciri persaudaraan dan perpaduan yang diamalkan oleh Rasulullah SAW sehingga menjadi asas kepada pembentukan sebuah negara di Madinah?

Sejarah persaudaraan, perpaduan dan penyatuan dalam Islam ini tidak terdapat dalam perbincangan konsep kerajaan perpaduan model GNU dan MPS yang dikemukakan. Justeru, adakah sesuai penggunaan konsep perpaduan Negara Madinah untuk diaplikasikan dalam negara umat Islam masa kini? Apakah pendekatan yang perlu diambil oleh parti politik Melayu-Islam di Malaysia untuk melakukan proses perpaduan dari sudut Islam? Daripada persoalan-persoalan tersebut, adakah dengan menggunakan konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam mampu membentuk kerjasama dalam kalangan parti politik Melayu-Islam di Malaysia?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam dalam kerjasama parti politik Melayu-Islam di Malaysia. Kajian ini juga telah menggariskan tiga objektif khusus kajian berhubung dengan kerajaan perpaduan berteraskan Islam dengan rujukan khusus parti politik Melayu-Islam di Malaysia.

Objektif-objektif khusus kajian tersebut adalah seperti berikut:

1. Mengetahui konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam.
2. Menganalisis perpaduan parti politik Melayu-Islam di Malaysia berdasarkan konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam.
3. Mencadangkan konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam dalam kerjasama parti politik Melayu-Islam di Malaysia.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif yang dikemukakan, beberapa persoalan kajian telah digariskan. Kepentingannya adalah untuk memperincikan kandungan kajian secara sistematik. Persoalan kajian ini dibina selaras dengan kehendak kajian yang ditetapkan.

Tujuh persoalan kajian dirangka untuk mencapai tiga objektif kajian. Persoalan-persoalan kajian tersebut adalah seperti berikut:

- i. Apakah pandangan sarjana Islam terhadap konsep kerajaan berteraskan Islam?
- ii. Apakah acuan konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam?
- iii. Apakah prinsip-prinsip konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam?
- iv. Apakah ciri-ciri konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam?
- v. Bagaimanakah perpaduan parti politik Melayu-Islam dilaksanakan di Malaysia?
- vi. Bagaimanakah kesesuaian konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam digunakan bagi membentuk perpaduan dalam kalangan parti politik Melayu-Islam di Malaysia?
- vii. Apakah bentuk konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam dalam kerjasama parti politik Melayu-Islam di Malaysia?

Secara lebih jelas lagi, hubungan antara objektif dengan persoalan kajian dipamerkan dalam Jadual 1.2 seperti berikut:

Jadual 1.2: Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian

| Objektif Kajian | Persoalan Kajian |
|---|---|
| 1. Mengenal pasti konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam. | i. Apakah pandangan sarjana Islam terhadap konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam? ii. Apakah acuan konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam? iii. Apakah prinsip-prinsip konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam? iv. Apakah ciri-ciri konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam? |
| 2. Menganalisis perpaduan parti politik Melayu-Islam di Malaysia berdasarkan konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam. | v. Bagaimanakah perpaduan parti politik Melayu-Islam dilaksanakan di Malaysia? vi. Bagaimanakah kesesuaian konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam digunakan bagi membentuk perpaduan dalam kalangan parti politik Melayu-Islam di Malaysia? |
| 3. Mencadangkan konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam dalam kerjasama parti politik Melayu-Islam di Malaysia. | vii. Apakah bentuk konsep kerajaan perpaduan berteraskan Islam dalam kerjasama parti politik Melayu-Islam di Malaysia? |

1.6 DEFINISI OPERASIONAL

Berdasarkan kepada tajuk kajian ini, terdapat empat istilah penting untuk didefinisikan. Pertama, kerajaan perpaduan; kedua, perpaduan berteraskan Islam; ketiga; parti politik; dan keempat, Melayu-Islam. Definisi operasional ini penting dinyatakan sebagai langkah untuk menjelaskan maksud yang diguna pakai dalam tesis ini.

1.6.1 Kerajaan Perpaduan

Istilah Kerajaan Perpaduan merujuk kepada '*Unity Government*' (UG) yang telah dibentuk di negara-negara seperti Kanada, Israel, Zimbabwe, Republik Demokratik Congo, Somalia, Sudan, Afrika Selatan, Mozambique, Ivory Cost, Lubnan, Palestin, Macedoni dan Burundi berdasarkan model Kerajaan Perpaduan Nasional (GNU) (Laws, 2012; Mapuva, 2010).

Menurut Laws (2012), GNU bermaksud suatu model perkongsian kuasa institusi formal seperti kerajaan berparlimen yang bertujuan menyediakan keselamatan dan kestabilan politik di negara-negara yang berkonflik. Pembentukan kerajaan perpaduan ini berasaskan gabungan semua parti politik utama tidak kira parti pro-kerajaan atau parti pro-pembangkang utama bersama-sama mentadbir negara di dalam sistem parlimen.

Dalam konteks perbincangan di Malaysia pula, kerajaan perpaduan di Malaysia bermaksud kerajaan campuran yang dibentuk melalui perkongsian kuasa parti politik

kerajaan iaitu BN dan parti politik pembangkang iaitu PR untuk mentadbir negara. Cadangan kerajaan perpaduan tersebut dikemukakan oleh Abdul Hadi Awang, Presiden PAS selepas PRU-12 (Hafiz Baqi, 2009). Menurut Abdul Hadi Awang (2009), kerajaan perpaduan yang dimaksudkan ialah perkongsian kuasa yang menuntut supaya BN selaku parti pemerintah berkongsi kuasa dengan PR pada peringkat persekutuan. Setiap kementerian mesti ditadbir bersama dan dasar-dasar negara perlu ditentukan secara konsensus. Oleh yang demikian, parti pembangkang tidak menyertai atau bergabung dengan parti pemerintah dan kuasa parti pembangkang adalah setaraf kuasanya seperti parti pemerintah sebagai rakan kongsi untuk pembentukan kerajaan (Hafiz Baqi, 2009).

Daripada penjelasan takrifan UG dan GNU yang membincang definisi kerajaan perpaduan tersebut, definisi yang digunakan dalam tesis ini ialah konsep kerajaan perpaduan yang melibatkan parti-parti politik utama dan dominan dalam kalangan pro-kerajaan dan pro-pembangkang yang bergabung dalam satu kerajaan secara formal berdasarkan perjanjian yang disepakati dalam parlimen.

1.6.2 Perpaduan Berteraskan Islam

Dalam warisan Islam dan sejarah generasi pertama Negara Madinah, perpaduan berteraskan Islam secara umumnya merujuk kepada ukhuwah. Pengertian ukhuwah secara asas merujuk kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

“Berpeganglah kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai. Dan ingatlah akan nikmat Allah kepada kalian ketika kalian dahulu (pada masa jahiliyah) bermusuhan, lalu Allah menyatukan hati kalian, dan dengan nikmat-Nya, menjadikan